

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 JUN 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Susulan gempa bumi: PM arah agensi berkaitan ambil tindakan	Bernama.com
2	Viral cahaya biru dikenali sebagai Aurora	Berita Harian
3	Jangan panik, berwaspada hadapi sebarang kemungkinan – KM Sabah	Bernama.com
4	Gempa bumi sederhana 5.1 skala richter, landa Ranau, Sabah	Bernama.com
5	Siling Wisma Dang Bandang jatuh mungkin akibat gempa	Bernama.com
6	Gempa bumi lemah di Ranau pada 12.07 tengah hari	Bernama.com
7	Gempa bumi lemah berlaku di Ranau	Bernama.com
8	Gempa bumi lemah berlaku 16KM Tenggara Tuaran, Sabah	Bernama.com
9	Amaran ribut petir di laut china selatan dan perairan sarawak	Bernama.com
10	Gempa bumi sederhana landa Papua New Guinea	Bernama.com
11	CSM lancar CyberDEF Alliance atasi isu siber	Berita Harian



Susulan Gempa Bumi: PM Arah Agensi Berkaitan Ambil Tindakan



KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengarahkan semua agensi kerajaan berkaitan mengambil tindakan berikutan kejadian gempa bumi sederhana berukuran 5.1 pada skala Richter yang melanda Ranau pagi ini.

"Saya terima berita gempa bumi berukuran 5.1 pada skala Richter yang melanda Ranau, Sabah pagi ini.

"Agensi dan aset kerajaan berkaitan diarahkan dan dikerah untuk mengambil tindakan," katanya dalam catatan terbaharu di Facebook dan Twitter beliau hari ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini berkata gempa bumi sederhana berukuran 5.1 pada skala Richter berlaku di Ranau, Sabah pada 2.29 pagi ini.

Pusat gempa bumi itu terletak 6.2 darjah utara dan 116.5 darjah timur, kira-kira 25 kilometer tenggara Kota Belud, Sabah.

Gegaran turut dirasai di Ranau, Kudat, Beluran, Kota Marudu, Kota Belud, Keningau dan Kinabatangan.

Pada 5 Jun lepas, 18 orang termasuk warga asing merangkumi 14 pendaki Gunung Kinabalu dan empat malim gunung terbunuh dalam kejadian gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter di Ranau, Sabah.

-- BERNAMA

Viral cahaya biru dikenali sebagai Aurora

Kota Kinabalu: Cahaya biru yang kelihatan di celah Gunung Kinabalu petang kelmarin hingga menjadi viral di laman sosial, tidak mempunyai kaitan dengan gempa bumi di Ranau.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abdul Malik Tusin, berkata fenomena optik membabitkan bayang awan di udara dan boleh dilihat pada waktu senja itu dikenali sebagai Aurora dan biasa berlaku sebelum ini.

"Ia bukan luar biasa dan tiada kaitan dengan gempa bumi atau gegaran susulan di sekitar kawasan Gunung Kinabalu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Cahaya biru yang dirakamkan orang awam sekitar Gunung Kinabalu itu menjadi viral di laman sosial hingga ada mengaitkannya dengan fenomena tertentu susulan gempa bumi kuat berukuran 5.9 pada skala Richter yang melanda Ranau pada 5 Jun lalu.

Cahaya berwarna-warni

Sementara itu, Pakar Geologi Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Felix Tongkul, berkata Aurora adalah fenomena semula jadi yang berlaku apabila cahaya kosmik dari matahari berinteraksi dengan atmosfera bumi dan menghasilkan permainan cahaya berwarna-warni.

Satu lagi gempa susulan kecil dengan kekuatan 2.7 pada skala Richter berlaku jam 8.41 pagi semalam dengan impak sekitar Ranau dan kawasan berhampiran.

Berdasarkan laman web Jabatan Meteorologi, sejak 5 Jun lalu, sebanyak 65 gempa susulan kecil dilaporkan berlaku di Ranau serta daerah berhampiran.



Jangan Panik, Berwaspada Hadapi Sebarang Kemungkinan - KM Sabah

SANDAKAN, 13 Jun (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman menasihati penduduk di daerah-daerah yang berisiko dilanda gempa bumi supaya tidak panik dan berhati-hati dalam menghadapi sebarang kemungkinan.

"Pada masa sama, saya juga meminta orang ramai supaya lebih bertanggungjawab dan tidak mengedarkan berita atau gambar gempa bumi yang tidak berkaitan dengan kita.

"Dalam keadaan sekarang, kita perlu bekerjasama dan saling membantu ke arah yang positif dan bukan menimbulkan kebimbangan dan kritikan yang tidak berasas mengenai perkara ini," katanya kepada pemberita ketika menghadiri program di PPR Taman Murni di sini Sabtu.

Musa berkata beberapa daerah di Sabah masih mengalami gegaran susulan selepas gempa bumi pada 5 Jun lepas termasuk gempa bumi sederhana berukuran 5.1 pada skala Richter berlaku di Ranau, pada 2.29 pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini berkata pusat gempa bumi itu terletak 6.2 darjah utara dan 116.5 darjah timur, kira-kira 25 kilometer tenggara Kota Belud, Sabah dan gegarannya dirasai di Ranau, Kudat, Beluran, Kota Marudu, Kota Belud, Keningau dan Kinabatangan.


Pada 5 Jun lepas, gempa bumi berukuran 5.9 skala Richter, yang terkuat di Malaysia setakat ini, menggegarkan Sabah pada pukul 7.15 pagi, yang mencetuskan gegaran di beberapa tempat di negeri itu serta menyebabkan batu dan bongkah menggelungsur jatuh dari Gunung Kinabalu.

Lapan belas orang - empat malim gunung dan 14 pendaki - terbunuh dalam gempa bumi itu, 10 daripada mereka dari Singapura, enam rakyat Malaysia, seorang dari Jepun dan seorang warga China.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Sederhana 5.1 Skala Richter, Landa Ranau, Sabah



Runtuhan di Gunung Kinabalu ekor gempu bumi yang pertama

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.1 pada skala Richter berlaku di Ranau, Sabah pada 2.29 pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini berkata pusat gempa bumi itu terletak 6.2 darjah utara dan 116.5 darjah timur, kira-kira 25 kilometer tenggara Kota Belud, Sabah.

Gegaran turut dirasai di Ranau, Kudat, Beluran, Kota Marudu, Kota Belud, Keningau dan Kinabatangan, kata kenyataan itu.

Jabatan Meteorologi berkata pihaknya sedang memantau perkembangan itu dan akan memaklumkan maklumat terkini.

Di SABAH, Ketua Polis Daerah Ranau, DSP Farhan Abdullah ketika dihubungi Bernama berkata setakat ini berkata pihaknya belum menerima sebarang laporan kerosakan atau kecederaan disebabkan kejadian gempa bumi itu.

Sementara itu, pegawai perhubungan awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah Mohd Affendy K Ramin berkata pihaknya menerima 14 panggilan telefon daripada orang ramai yang memaklumkan mengenai kejadian itu.

Beliau berkata setakat ini belum ada laporan kerosakan atau kecederaan yang diterima.

Sementara itu, beberapa penduduk yang ditemui di Ranau mengakui merasa gegaran pada awal pagi tadi dan ada yang bergegas keluar dari rumah ke kawasan lebih selamat.

Pembantu Pengurus Restoran Cottage Hotel, Juara Amin, 53, berkata beliau terkejut dengan kejadian itu dan merasakan gegaran susulan sekuat 5.1 pada skala Richter itu bukan sesuatu yang normal baginya.

Penyambut tetamu di hotel itu, Mohd Rizua Matree, 26, pula berkata gegaran susulan pada awal pagi tadi agak kuat dan berlaku dalam beberapa saat sahaja berbanding gegaran susulan sebelum ini.

Seorang pengusaha restoran di Taman Air Panas Poring, Ranau, Mohamad Abdullah berkata beliau merasai dua gegaran pada awal pagi tadi dan terus membawa isteri serta anak lelakinya segera keluar dari rumah.

Beliau berkata gempa bumi itu menyebabkan rumah dan restorannya bergegar serta pinggan mangkuk jatuh ke lantai dan ada yang pecah.

Katanya, penduduk di sekitar kawasan itu masih bimbang dengan kesan bencana yang melanda 5 Jun lepas dan berdoa agar tidak ada kejadian yang tidak diingini berulang.

Sementara itu, seorang malim gunung, Azli Donald berkata beliau, isteri dan anak-anaknya terjaga dari tidur selepas merasai gegaran pertama, diikuti gegaran kedua awal pagi tadi.

Azli yang tinggal di Kundasang berkata berikutan gegaran itu beliau turut mendengar bunyi kuat berkemungkinan daripada batu-batuan yang jatuh dari kawasan pergunungan.

"Saya sekeluarga lari keluar dari rumah untuk menyelamatkan diri," katanya kepada Bernama.

Seorang lagi malim gunung, Christopher Peter Ebi yang menetap di Bundu Tuhan dan terlibat dalam kerja menyelamatkan pendaki terkandas di Gunung Kinabalu berikutan gempa bumi 5 Jun lepas berkata beliau turut merasai gegaran dua kali.

"Saya tidak dapat tidur sehingga ke pagi selepas merasai gegaran itu. Begitu juga dengan anak saya kerana ketakutan," katanya.

-- BERNAMA



Siling Wisma Dang Bandang Jatuh Mungkin Akibat Gempa

KOTA KINABALU, 13 Jun (Bernama) -- Sekeping siling yang terjatuh di hadapan lif di tingkat 11 bangunan Wisma Dang Bandang di sini dipercayai akibat gegaran gempa bumi sederhana awal pagi tadi.

Gempa berukuran 5.1 pada skala Richter itu berlaku di Ranau dan turut dirasakan di Kota Kinabalu.

Pengarah Penerangan Sabah, Datuk Almain Ajirul berkata serpihan siling itu ditemui oleh pengawal keselamatan yang menjalankan rondaan dalam bangunan itu.

"Ia hanya melibatkan sekeping siling dan tidak melibatkan masalah teknikal yang lain," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Beliau berkata sehingga kini pihaknya belum menerima laporan daripada syarikat Gemilang Maintenance Services yang menjalankan penyelenggaraan bangunan berkenaan.

Katanya, gegaran gempa bumi pada 5 Jun lalu tidak menjejaskan bangunan itu yang turut menempatkan [Jabatan Meteorologi](#), Jabatan Imigresen dan Jabatan Kesihatan.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Lemah Di Ranau Pada 12.07 Tengah Hari

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Gempa bumi lemah berukuran 2.3 pada skala Richter berlaku di Ranau, Sabah pada 12.07 tengah hari, Sabtu.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), gempa itu bergaris pusat di 11km barat Ranau.

Gegaran mungkin dialami di Ranau, menurutnya.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Lemah Berlaku Di Ranau

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Gempa bumi lemah berukuran 3.3 pada skala Richter, berlaku kira-kira pukul 6.08 petang tadi di Ranau, Sabah.

Menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), gempa bumi itu berpusat di 6.0 darjah utara dan 116.7 darjah timur, kira-kira 6 kilometer tenggara Ranau.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Lemah Berlaku 16Km Tenggara Tuaran, Sabah



Lereng Gunung Kinabalu yang runtuh ekor gempu bumi

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Gempa bumi lemah berukuran 2.3 pada skala Richter berlaku kira-kira 16km tenggara Tuaran, Sabah pada pukul 8.41 pagi ini.

[Jabatan Meteorologi Malaysia](#) dalam satu kenyataan berkata gempa itu berpusat di 6.1 darjah utara, 116.3 darjah timur, dan gegaran dilaporkan dirasakan berhampiran Ranau.

Jumaat lepas, gempa bumi berukuran 5.9 skala Richter, yang terkuat di Malaysia setakat ini, menggegarkan Sabah pada pukul 7.15 pagi, yang mencetuskan gegaran di beberapa tempat di negeri itu serta menyebabkan batu dan bongkah menggelungsur jatuh dari Gunung Kinabalu.

Lapan belas orang - empat malim gunung dan 14 pendaki - terbunuh dalam gempa bumi itu, 10 daripada mereka dari Singapura, enam rakyat Malaysia, seorang dari Jepun dan seorang warga China.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 13 JUN 2015 (SABTU)



Amaran Ribut Petir Di Laut China Selatan Dan Perairan Sarawak

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Ribut petir di perairan Condore, Bunguran, Reef South dan Reef North dijangka berlaku sehingga lewat petang Sabtu.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), keadaan sama turut melanda perairan Sarawak (Bintulu dan Miri).

Keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Sederhana Landa Papua New Guinea

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.5 pada skala Richter melanda Pantai Utara New Guinea di Papua New Guinea pada 3.08 petang tadi.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan di sini, berkata gempa bumi itu berpusat 71km ke timur laut Wiwak, Papua New Guinea dan 2,967km ke tenggara Semporna, Sabah.

Tiada ancaman tsunami dikeluarkan.

Sementara itu, dalam kenyataan lain, Jabatan Meteorologi berkata aktiviti ribut petir yang berlaku di perairan Sarawak dijangka berterusan sehingga awal malam ini.

Keadaan itu mungkin menyebabkan angin kencang yang bertiup sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak setinggi 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA

CSM lancar CyberDEF Alliance atasi isu siber

» Kerjasama dengan OWASP kesan, hapus perisian ceroboh server komputer



Oleh Wan Noor Hayati
Wan Alias
wanti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

CyberSecurity Malaysia (CSM) semalam melancarkan penubuhan pasukan pertahanan siber, CyberDEF Alliance dengan kerjasama persatuan Open Web Application Security Project (OWASP) Malaysia bagi memperkukuhkan kubu pertahanan siber negara.

Kerjasama dua hala itu diwujudkan atas inisiatif agensi berkenaan yang dipertanggungjawabkan mengesan, sekali gus menangkis serangan siber dari

dalam dan luar negara.

Kongsi kepakaran teknologi

Ketua Pegawai Eksekutif CSM, Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata penyertaan OWASP dalam pasukan CyberDEF Alliance membolehkan mereka berkongsi kepakaran teknologi maklumat dalam dunia keselamatan siber.

Katanya, pasukan itu akan menjalankan tanggungjawab sosial masyarakat dengan menggunakan dua prasarana yang disediakan CSM iaitu Cyber Forensics X Lab dan CyberDEF.

"Menerusi Cyber Forensics X Lab, kami akan menjalankan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan seperti Biometric Forensics dan bidang berteknologi tinggi lain di makmal ini."

"Sementara menerusi CyberDEF, kami akan mengesan, menyiasat dan menghapuskan perisian jahat yang cuba mencero-
boh masuk ke dalam server komputer di negara ini."

"Selain OWASP, kami menjemput kepakaran tempatan untuk tampil memberikan perkhidma-

“
Menerusi Cyber Forensics X Lab, kami akan menjalankan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan seperti Biometric Forensics dan bidang berteknologi tinggi lain di makmal ini”

Dr Amirudin Abdul Wahab,
Ketua Pegawai Eksekutif CSM



Laporan BH mengenai robot server awal Mei lalu.

tan mereka dan kami sentiasa bersedia membantu kerajaan dalam membentuk ketumbukan pertahanan siber," katanya kepada BH selepas merasmikan Majlis Pertemuan Pertengahan Tahun OWASP di ibu pejabat CSM di Seri Kembangan, di sini, semalam.

Susulan pendedahan BH berhubung serangan siber awal Mei lalu, CSM mengambil langkah proaktif mewujudkan sistem pertahanan CyberDEF yang dilancarkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada 22 Mei lalu.

Menerusi sistem itu, CSM berupaya menjalankan siasatan forensik digital secara berkesan bagi menjejak dalang yang menggunakan virus malware untuk dibawa ke pihak pendakwaan.

Sementara itu, seorang pakar keselamatan siber Asia Pasifik, Dick Bussiere, berkata satu undang-undang yang mewajibkan setiap orang yang mengesyaki atau mengesan berlaku pencerobohan dan serangan siber melaporkan kepada pihak berkuasa perlu diwujudkan di negara ini.

Katanya, Singapura sudah bersedia dengan ketumbukan keli-
ma iaitu pertahanan siber, dengan mewujudkan undang-undang khas bagi memastikan serangan siber dilaporkan.

"Banyak agensi di Malaysia seperti bank takut melaporkan insiden serangan kerana bimbang reputasi agensi terjejas dan masalah ini akan bertambah teruk," katanya.